

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKE 417 - Ekonomi Perindustrian

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. Ikatkan jawapan anda kepada Bahagian A dengan jawapan kepada Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

BAHAGIAN A [60 markah]

1. Jawab SEMUA soalan berikut.

[a] Kajian ekonomi perindustrian mempunyai unsur perihalan dan unsur analitik:

i. unsur perihalan

Aspek kajiannya: _____

Tumpuan topik: _____

ii. Unsur Analitik

Aspek kajiannya: _____

Tumpuan topik: _____

(6 markah)

[b] Takrifkan secara ringkas konsep-konsep yang berkaitan dengan pendekatan kepada analisis ekonomi yang berikut:

i. Kaedah Deduktif: _____

ii. Kaedah Sejarahhan: _____

(4 markah)

...3/-

- [c] Kenapakah kaedah induktif lebih bermakna dan lebih realistik kepada ekonomi perindustrian?

(4 markah)

- [d] Empat kelemahan asas kapitalisme tradisional boleh kumpulkan ke dalam aspek-aspek berikut:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

(4 markah)

- [e] Jelaskan kritikan model neoklasik daripada aspek berikut:

- i. Memaksimumkan apa?

- ii. Perubahan motivasi firma:

(4 markah)

...4/-

[f] Dengan menggunakan Rajah 1, lukiskan kedudukan konsep pemaksimuman keuntungan dan pemaksimuman jualan, untuk menunjukkan perbezaan di antara kedua model firma tersebut.



Rajah 1

(5 markah)

[g] Empat daripada kritikan terhadap ukuran penumpuan mutlak?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

(6 markah)

[h] Senaraikan lima matlamat firma dalam teori perilakuan firma Cyert dan March.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(4 markah)

...5/-

[i] Berikan tiga cara saiz optimum firma itu boleh membantu firma mencapai ekonomi yang bersifat kewangan:

i. _____

ii. _____

iii. _____

(3 markah)

[j] Perkara yang menyokong teknik intensif buruh di negara sedang membangun.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

(4 markah)

[k] Kritikan terhadap teori letakan deduktif Weber boleh dikelompokkan ke dalam beberapa tajuk tertentu. Berikan empat daripadanya.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

(4 markah)

[l] Secara ringkas jelaskan konsep-konsep berikut dalam teori letakan Weber:

i. faktor aglomeratif:

ii. bahan jenis hilang berat:

(3 markah)

...5/-

[m] Berikan 4 peranan pengindustrian dalam pembangunan ekonomi.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

(4 markah)

[n] Lima aspek langkah dasar yang melibatkan tindakan kerajaan untuk menghapuskan rintangan kepada pembangunan perindustrian:

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

...7/-

BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. Dalam model pemaksimuman utiliti Williamson, kedudukan pengurusan lebih kukuh daripada kedudukan pemegang saham, sehingga pengurus-pengurus berkuasa mengetepikan kepentingan pemegang saham untuk memaksimumkan utiliti mereka sendiri.
- (a) Secara ringkas, terangkan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi utiliti pihak pengurusan dalam model Williamson. Bagaimanakah pengurus-pengurus memenuhi matlamat untuk mencapai status dan kuasa?
- (7 markah)
- (b) Bagaimanakah Williamson menunjukkan keseimbangan di antara mencapai keuntungan budi bicara dan memaksimumkan utiliti? Terangkan dengan melukiskan rajah yang bersesuaian.
- (7 markah)
- (c) Bincangkan kesimpulan yang boleh dipetik daripada model Williamson.
- (6 markah)
3. Weber mengatakan bahawa pemilihan letakan sesuatu industri itu dipengaruhi oleh satu rangkaian unsur-unsur yang kompleks. Beliau telah menggunakan analisis kos dan telah mengemukakan konsep tentang faktor primer dan sekunder.
- (a) Bincangkan teori kos pengangkutan Weber secara ringkas. Apakah andaian-andaian yang dikaitkan dengan model kos pengangkutan beliau?
- (7 markah)
- (b) Terangkan secara ringkas bagaimana firma membuat keputusan untuk menempatkan unit perindustriannya ke arah pusat bahan mentah dan pusat pasaran.
- (7 markah)
- (c) Pada umumnya apakah faktor-faktor yang menentukan letakan perindustrian?
- (6 markah)

...8/-

4. Perubahan teknologi telah didapati menjadi sumber pertumbuhan utama di negara-negara maju tetapi tidak di negara sedang membangun. Sesetengah penyelidik telah mendapati bahawa mobiliti modal dan teknologi adalah sama penting.

(a) Bincangkan peranan perubahan teknologi dalam mempertingkatkan produktiviti.

(7 markah)

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep pindahan teknologi? Bincangkan secara kasar proses pindahan teknologi.

(7 markah)

(c) Berikan pandangan anda tentang pindahan teknologi di Malaysia semenjak tahun 1960-an.

(6 markah)

- oooOooo -